PRODUCT DISCLOSURE SHEET (PDS)

Strictly Private & Highly Confidential

Dear Customer,

This Product Disclosure Sheet (PDS) provides you with key information on your **CIMB Salary Advance-i ("Facility")**.

Other customers have read this PDS and found it helpful; **you should read it too**.

Date: DD/MM/YYYY

What is Salary Advance-i?

This is an unsecured Cash Line-i Facility extended on the basis of consistent monthly income payments credited into your CIMB Current Account/-i or Savings Account/-i or Investment Account-i ("Salary Account"). Profit is calculated on a variable rate basis against the utilised portion of the Facility.

The Facility will be made available through your CIMB Current Account-i ("Facility Account"). Any monies standing to the credit of your CIMB Current Account-i will be deducted by the Bank towards payment of the profit, fees, charges, taxes and/or any other costs and expenses related to the Facility.

The Facility will be granted in accordance with the Shariah compliant concept of Commodity Murabahah (Tawarruq). Under this concept, the Bank will purchase Commodity in the approved Facility Limit and immediately thereafter sell the Commodity to the Applicant at the Bank's Sale Price on deferred payment terms subject to the Terms herein (the sale of the Commodity to the Applicant by the Bank will be concluded by the Bank as the Applicant's agent). Upon the conclusion of the sale of the Commodity by the Bank to the Applicant, the Bank as the Applicant's agent shall sell the Commodity to any third party at a price equivalent to the Applicant's Sale Price on cash payment terms.

Know Your Obligations

For this Facility, as an illustration: -

Your Facility Limit (RM)	:	XX.XX
Your Facility Availability Period	:	subject to renewal at Bank's discretion
Standardised Base Rate (SBR)*	:	X.XX% p.a.
Effective Profit Rate (EPR)	:	SBR + XX.XX% = XX.XX% p.a.
Ceiling Profit Rate (CPR)	:	XX.XX% p.a.
Bank's Sale Price** (RM) **(subject to Rebate (Ibra') which to be read together with the Terms & Conditions)**	:	XX.XX

In **total** you will pay **RMXX.XX** at the end of Availability Period on the assumption the SBR does not change.

It is your responsibility to:

*Read and understand the **key terms** in the **Terms and Conditions** of Salary Advance-i before you sign it/agree to it.*

Pay your utilised Facility timely and in full during the Availability Period. Speak to us if you wish to settle your financing earlier

*Ensure you can afford **to pay a higher instalment** if the OPR rises.*

Contact us or AKPK* to discuss payment options if you **have difficulties in making payments.***

** The SBR is a reference rate which is currently set as the Overnight Policy Rate (OPR) decided by Bank Negara Malaysia. The SBR can rise or fall due to changes in the OPR. SBR is subject to change from time to time as displayed at the Bank's branches and/or posted on the Bank's website.*

*** The aggregate of Your Facility Limit and Profit Portion*

**** Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit has been established by Bank Negara Malaysia to provide free services on money management, credit counseling, financial education and debt restructuring for individuals.*

You also have to pay the following **Fees and Charges:**

Type of Fee & Charges	Amount (RM)
Stamp Duty	0.5% of the approved Facility Limit, **or** RM10.00, whichever is higher (One-off basis to be deducted from customer's Current Account-i balance or Facility Limit) The amount will be based on the approved Facility Limit which will be rounded up to the nearest thousand.
Compensation (Ta'widh):	Refer to *Know Your Risk and Make an Informed Decision* section.

Know Your Risk and Make an Informed Decision

What happen if you ignore your obligations?

You will **pay more in total** due to:

During the Facility Availability Period prior to maturity: Compensation (Ta'widh) will be charged at actual cost up to 1% p.a. on the monthly payment/instalment overdue instalment.

If the Facility is recalled before maturity: Compensation (Ta'widh) will also be charged at actual cost up to 1% p.a. on the Outstanding Balance up to the day payment is made or a day before judgment is obtained, whichever earlier.

Beyond the maturity of the Facility: Compensation (Ta'widh) will be charged based on actual cost up to the prevailing Islamic Interbank Money Market Rate (IIMM Rate) on the Outstanding Balance from the date the tenure of the Facility expires until the date the Outstanding Balance is received by the Bank in full, subject always to any rebate (Ibra'), wherever applicable.

We may **set-off** any credit balance in your other account(s) maintained with the Bank against the outstanding amount under the Facility after seven (7) calendar days' prior notice. If there is a shortfall, you remain liable for such shortfall.

We may **take legal action** against you ~~fail~~ if you fail to respond to reminder notices asking you to make payment of arrears and you will have to bear all the costs of such legal actions.

Your **credit score** may be affected leading to credit being more difficult or expensive for you to obtain.

Other Key Terms

If you wish to settle your financing early, you should know:

- You can make an early settlement of the Bank's Sale Price at any time during the Tenure by giving at least thirty (30) business days advance written notice to the Bank and paying the Settlement Amount which must be made on the date(s) as may be determined by the Bank.
- Any notice for an early settlement shall be irrevocable and you are obligated to make such settlement in accordance with the notice.
- If you fully settle the Bank's Sale Price before the Facility term ends, you will receive a rebate (Ibra') on the Bank's Sale Price, as long as the settlement amount is paid according to the agreed terms.

Lock-in period: There is no lock-in period for this Facility. You may fully settle the financing before its maturity without any early settlement charge~~r~~s.

Takaful coverage: No takaful coverage is required for the Facility.

Changes to my contact details. It is important that you inform the Bank of any changes in your contact details to ensure that all correspondence~~s~~ reach you in a timely manner.

Other unsecured Cash Line-i packages available: None

If you have any questions or require assistance with your financing, you can:

General enquires or require assistance with your financing, call us at:
+603 6204 7788

Visit us at:
https://www.cimb.com.my/en/personal/day-to-day-banking/financing/personal-financing.html

Email us at:
contactus@cimb.com

If you're unable to pay your utilised Facility, call our Secured Collection Team at:
03-2635 2088 /03-26352099, OR
Visit the official website of AKPK for more information

Disclaimer: The final details of the approved Facility must refer to Financing Approval Details and Terms & Conditions issued to you, upon disbursement of the Facility.

The information provided in this disclosure sheet is updated as at DD/MM/YYYY

LEMBARAN PENDEDAHAN PRODUK	Sulit & Persendirian CIMB ISLAMIC
Pelanggan yang dihormati, Lembaran Pendedahan Produk (PDS) ini memberikan anda maklumat penting mengenai **CIMB Salary Advance-i ("Kemudahan")**. Pelanggan lain telah membaca PDS ini dan mendapati ia membantu; **anda harus membacanya juga.**	Tarikh DD/MM/YYYY

Apakah CIMB Salary Advance-i?

Ia adalah Kemudahan Cash Line-i tanpa cagaran yang diberikan berdasarkan pendapatan bulanan yang konsisten yang dikreditkan ke dalam Akaun Semasa/-i, Akaun Simpanan/-i atau Akaun Pelaburan-i CIMB anda ("Akaun Gaji"). Keuntungan dikira berdasarkan kadar berubah-ubah dan dicaj terhadap bahagian Kemudahan yang digunakan.
Kemudahan ini akan disediakan melalui Akaun Semasa-i CIMB ("Akaun Kemudahan") . Mana-mana wang yang dikreditkan ke Akaun Semasa-i CIMB anda akan ditolak oleh Bank untuk pembayaran keuntungan, fi, yuran, cukai dan/atau apa-apa kos dan perbelanjaan lain yang berkaitan dengan Kemudahan ini.

Kemudahan ini akan diberikan mengikut konsep patuh Syariah Komoditi Murabahah (Tawarruq). Di bawah konsep ini, Bank akan membeli Komoditi dalam Had Kemudahan yang diluluskan dan dengan serta-merta menjual Komoditi tersebut kepada Pemohon pada Harga Jualan Bank berdasarkan terma pembayaran tertunda tertakluk kepada Terma di sini (penjualan Komoditi kepada Pemohon oleh Bank akan dibuat oleh Bank sebagai ejen Pemohon). Apabila penjualan Komoditi oleh Bank kepada Pemohon disempurnakan, Bank sebagai ejen Pemohon hendaklah menjual Komoditi tersebut kepada mana-mana pihak ketiga pada harga yang bersamaan dengan Harga Jualan Pemohon mengikut terma pembayaran tunai.

Ketahui Tanggungjawab Anda

Bagi Kemudahan ini, sebagai ilustrasi: -

Had Kemudahan Anda (RM)	:	X,XXX.XX
Tempoh Ketersediaan Kemudahan anda	:	tertakluk kepada pembaharuan atas budi bicara Bank
Kadar Asas Standard SBR*	:	X.XX% setahun
Kadar Keuntungan Efektif (KKE)	:	SBR + XX.XX% = XX.XX% setahun
Kadar Keuntungan Siling (KK~~K~~S)	:	XX.XX% Setahun
Harga Jualan Bank **(RM) **(tertakluk kepada Rebat (Ibra') yang perlu dibaca bersama dengan Terma-Terma dan Syarat-Syarat)**	:	X,XXX.XX

Jumlah keseluruhan yang perlu anda bayar adalah RM_____ pada penghujung Tempoh Ketersediaan Kemudahan dengan andaian SBR tidak berubah.

Adalah tanggungjawab anda untuk:

*Baca dan fahami **terma-terma utama** dalam **Terma-Terma dan Syarat-Syarat** Salary Advance-i sebelum anda menandatanganinya.*

Bayar Kemudahan yang digunakan tepat pada masanya dan sepenuhnya sepanjang Tempoh Ketersediaan. Hubungi kami jika anda ingin menyelesaikan pembiayaan anda lebih awal.

*Pastikan anda mampu untuk **membayar ansuran yang lebih tinggi** sekiranya Kadar Dasar Semalaman (OPR) meningkat.*

Sila hubungi kami atau AKPK* dengan kadar segera sekiranya anda **mempunyai masalah dalam pembayaran ansuran bulanan.***

**Kadar Asas Standard (SBR) adalah kadar rujukan yang kini ditetapkan berdasarkan Kadar Dasar Semalaman (OPR) yang ditetapkan oleh Bank Negara Malaysia. SBR boleh naik atau turun disebabkan oleh perubahan dalam Kadar Dasar Semalaman (OPR). SBR tertakluk kepada perubahan dari semasa ke semasa seperti yang dipaparkan di cawangan Bank dan/atau disiarkan di laman web Bank.*

***Agregat bagi: Had Kemudahan Anda dan Bahagian K~~K~~euntungan*

****Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit telah ditubuhkan oleh Bank Negara Malaysia untuk menyediakan perkhidmatan pegurusan kewangan, kaunseling kredit, pendidikan kewangan dan penstrukturan semula pembiayaan secara percuma kepada individu*

Anda dikehendaki membayar **yuran dan caj** berikut**:**

Jenis Yuran dan Caj	Amaun (RM)
Duti Setem	0.5% daripada Had Kemudahan yang diluluskan, **atau** RM10.00, mengikut mana-mana yang lebih tinggi (Penolakan daripada baki Akaun Semasa-i pelanggan atau daripada Had

Jenis Yuran dan Caj	Amaun (RM)
	Kemudahan akan dibuat secara sekali sahaja). Jumlah ini akan berdasarkan kepada Had Kemudahan yang diluluskan yang akan dibundarkan ke atas ribuan terdekat.
Pampasan (Ta'widh)	Sila rujuk bahagian *Ketahui Risiko Anda dan Buat Keputusan Termaklum*.

Ketahui Risiko Anda dan Buat Keputusan Termaklum

Apa yang akan berlaku jika anda mengabaikan tanggungjawab anda?

Anda akan membayar lebih banyak secara keseluruhan disebabkan oleh:

Dalam Tempoh Ketersediaan Kemudahan sebelum matang: Pampasan (Ta'widh) akan dikenakan atas dasar kos sebenar sehingga 1% setahun daripada ansuran tunggakan.

Jika Kemudahan ditarik balik sebelum matang: Pampasan (Ta'widh) akan dikenakan atas dasar kos sebenar sehingga 1% setahun ke atas Baki Tertunggak sehingga hari pembayaran dibuat atau sehari sebelum penghakiman diperolehi, yang mana lebih awal.

Selepas tempoh Kemudahan melebihi tempoh matang: Pampasan (Ta'widh) akan dikenakan atas dasar kos sebenar sehingga Kadar Pasaran Wang Islam Antara Bank (Islamic Interbank Money Market Rate (IIMM)) yang terpakai ke atas Baki Tertunggak dari tarikh tamat tempoh Kemudahan sehingga tarikh Baki Tertunggak diterima oleh Bank sepenuhnya, tertakluk kepada sebarang rebat (Ibra'), di mana berkenaan.

Kami mungkin akan menolak sebarang baki kredit dalam akaun anda yang lain dipegang dengan kami terhadap sebarang baki belum dijelaskan di bawah Kemudahan ini dengan memberikan kepada anda notis terdahulu selama tujuh (7) hari kalendar. Sekiranya terdapat kekurangan, anda tetap bertanggungjawab atas kekurangan tersebut.

Kami mungkin mengambil tindakan undang-undang terhadap anda jika anda gagal untuk menjawab notis peringatan yang meminta anda membayar tunggakan dan anda akan menanggung semua kos tindakan undang-undang tersebut.

Kedudukan kredit anda mungkin terjejas yang menyebabkan kredit menjadi lebih sukar atau mahal untuk diperoleh.

Terma-Terma Utama Lain

Jika anda ingin menyelesaikan pembiayaan anda lebih awal, anda harus tahu:

Anda boleh membuat penyelesaian awal terhadap Harga Jualan Bank pada bila-bila masa dalam Tempoh Pembiayaan dengan memberikan notis bertulis sekurang-kurangnya tiga puluh (30) hari bekerja kepada Bank dan membayar Jumlah Penyelesaian yang mesti dibuat pada tarikh yang ditentukan oleh Bank.

Sebarang notis untuk penyelesaian awal tidak boleh ditarik balik dan anda wajib membuat penyelesaian mengikut notis tersebut.

Jika anda menyelesaikan sepenuhnya Harga Jualan Bank sebelum tempoh Kemudahan tamat, anda akan menerima rebat (Ibra') ke atas Harga Jualan Bank, selagi jumlah penyelesaian dibayar mengikut terma yang dipersetujui.

Tempoh terkunci: Tiada tempoh terkunci bagi Kemudahan ini. Anda boleh langsaikan Kemudahan ini pada bila-bila masa tanpa sebarang caj penyelesaian awal dikenakan.

Takaful: Tiada perlindungan takaful diperlukan untuk Kemudahan ini.

Perubahan mengenai butiran perhubungan: Adalah penting untuk anda memaklumkan kepada Bank mengenai setiap perubahan butiran perhubungan anda bagi memastikan bahawa semua urusan surat-menyurat sampai kepada anda pada waktu yang tepat.

Pakej Cash Line-i lain yang ditawarkan ialah: Tiada

Sekiranya anda mempunyai sebarang pertanyaan atau memerlukan bantuan mengenai pembiayaan anda, anda boleh:



Pertanyaan umum atau memerlukan bantuan dengan pembiayaan anda, hubungi kami di:
+603 6204 7788



Kunjungi kami di:
https://www.cimb.com.my/bm/personal/day-to-day-banking/financing/personal-financing.html



Emel kami di:
contactus@cimb.com



Sekiranya anda tidak mampu untuk membayar Kemudahan yang digunakan, hubungi Pasukan Kutipan Bercagar kami di
03-2635 2088 / 03-26352099 ATAU
Lawati laman web AKPK untuk maklumat lanjut.

Penafian: Butiran akhir mengenai Kemudahan yang diluluskan mestilah merujuk kepada Butiran Kelulusan Pembiayaan dan Terma & Syarat yang dikeluarkan kepada anda, setelah Kemudahan tersebut disalurkan.

Maklumat yang diberikan dalam lembaran pendedahan ini telah dikemas kini pada DD/MM/YYYY